

# ‘Lengkapkan ilmu sebelum laksana umrah DIY’

Jemaah kena buat persediaan rapi elak melakukan kesilapan, tertipu

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Melaksanakan ibadah umrah di Tanah Suci Makkah bersama 14 ahli keluarga meninggalkan kenangan tidak dapat dilupakan lebih-lebih lagi ia adalah impian terakhir ayah yang bila-bila masa boleh dijemput Ilahi.

Justeru, impian itu dilunaskan oleh Nur Farahida Muhammad Akir, 39, bersama keluarga memandangkan ayahnya, Muhammad Akir Samsudin menghidap penyakit Sistemik Lupus Eritematosus (SLE) yang agak kronik.

Memikirkan kekangan masa, beliau dan keluarga memilih mengerjakan umrah secara

sendiri (DIY), menjelang Ramadan terakhir, tahun lalu selepas masing-masing ada sedikit pengalaman pernah berkunjung menggunakan khidmat agensi pelancongan.

“Ini tidak sia-sia apabila dapat penuhi impian ayah untuk menunaikan umrah. Cuma kami sedih kerana ayah meninggal dunia sebaik saja tiba di tanah air selepas 16 hari berada di Tanah Suci,” katanya.

Mengenai ibadah itu, Nur Farahida berkata, tiada bezanya melakukan ibadah umrah DIY dengan agensi pelancongan kecuali kos dan masa ketika berada di Tanah Suci itu.

“Kebiasaannya jemaah gunakan agensi pelancongan, perlu menyediakan bayaran dan mengikut kursus disediakan, selebihnya diuruskan agensi.

“Umrah DIY kami buat sendiri, termasuk tempahan tiket dan urusan sebaik sampai ke Tanah Suci.

“Tidak salah mencuba umrah DIY buat kali pertama, namun perlu ada ilmu pengetahuan secukupnya kerana sekiranya melakukan perkara dilarang untuk

elak rugi masa, tenaga dan wang ringgit.

“Seeloknya, ikuti kursus umrah yang kini banyak dilakukan secara siaran langsung di mana-mana platform media dan catat setiap apa disebut supaya anda dapat sedikit pengetahuan.

“Justeru, saya sentiasa menekankan ilmu sebelum melakukan umrah DIY kerana kita ingin elak melakukan kesalahan dan umrah yang mabrur,” katanya.

## Guna khidmat mutawif

Bagi memudahkan urusan di sana, digalakkan menggunakan khidmat mutawif untuk membantu kekeliruan dan mengelakkan melakukan perkara dlarang.

“Namun, perlulah berhati-hati supaya tidak ditipu ketika berurusan hanya kerana mahu jimat belanja,” katanya menjadikan abangnya sebagai mutawif berikutan berpengalaman.

Bakal jemaah sewajarnya memohon visa umrah, perlindungan insurans untuk mengelak perkara tidak diinginkan.

Bagi wanita pula, perlu da-



Nur Farahida (dua dari kanan) bersama 13 lagi ahli keluarganya ketika menunaikan umrah DIY, tahun lalu.

patkan nasihat doktor mengenai ubat yang perlu dimakan mengikut kesesuaian.

Pensyarah Undang-Undang di Universiti Multimedia, Azwina Wati Abdull Manaf, 43, menyifatkan umrah DIY ini adalah ibadah yang dapat mendekatkan diri bersama keluarga.

Bagi wanita kali pertama disarankan perlu lakukan dengan ahli keluarga yang sudah biasa melakukan umrah supaya tidak terpinga-pinga.

“Mereka boleh mengikuti

forum umrah DIY di mana-mana laman sosial yang sering berkongsi maklumat mengenai perkara yang diperlukan ketika berada di sana, selain dalam keadaan sihat,” katanya.

“Apabila anda melakukan umrah ini, baru anda tahu selok-belok, belajar banyak perkara dan lebih menarik kerana menguruskan sendiri.

“Pengalaman itulah yang sangat berharga apabila anda berjaya melakukannya dan dapat jimat belanja,” katanya.